

# Makanan sunnah rawat penagih

Unisza buat penyelidikan guna air zam zam, habbatus sauda' untuk kurang ketagihan

■ FARAH SHAZWANI ALI

**KUALA TERENGGANU** - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) kini sedang menjalankan penyelidikan dengan menggunakan air zam zam dan habbatus sauda' bagi mengurangkan ketagihan dadah, terutamanya bagi penagih opiat.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) Unisza, Profesor Dr Mohd Ekhwan Toriman berkata, kajian 'Pendekatan Komprehensif mengenai Rawatan Penagihan Opiat' itu bermula sejak 2012 dan dijangka siap sepenuhnya dua tahun lagi.

Menurutnya, kajian lima tahun itu menumpukan pada permasalahan penagihan opiat dan rawatannya yang

perawatan bagi penagihan opiat.

"Kita telah menjalankan kajian di makmal bagaimana sebenarnya dos yang sesuai bagi menggantikan peranan methadone ini kepada penagih opiat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa dalam Sains Ketagihan (ICAS) 2015, yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof di Unisza di sini, semalam.

Jelasnya, kajian penyelidikan itu ditaja sepenuhnya Kementerian Pengajian Tinggi.

Mohd Ekhwan yang mengetuai

penyelidikan itu turut dibantu tiga ketua projek - iaitu Profesor Dr Mahadzirah Mohamed, Profesor Dr Nasir Mohamad dan Profesor Madya Dr Wan Mohd Yusof Wan Chik serta 15 pelajar pascasiswazah selain 11 orang yang terdiri daripada penyelidik bersekutu dari Unisza dan universiti lain, yang mana Unisza bertindak sebagai ketua projek.

Jelas Mohd Ekhwan, kajian itu menggunakan hampir 250 responden di seluruh Terengganu dan tumpuan diberikan di Penjara Marang. Katanya, Penjara Marang telah menyediakan ruang dan satu bilik khas untuk merawat penagih dadah opiat ini dan ia kini di peringkat pertengahan kajian.

"Mereka juga telah jalankan kajian

klinikal di makmal, bagaimana sebenarnya komponen habbatus sauda' dan air zamzam ini boleh digunakan sebagai alternatif kepada methadone yang digunakan sekarang.

"Mungkin mereka gunakan methadone sekarang tetapi dosnya berkurangan, yang mana kita akan lihat berapa dos yang terbaik, bahan suplemen ini digunakan kepada penagih opiat," katanya.

Jelasnya lagi, apabila kajian itu siap sepenuhnya, mereka akan membuat satu alternatif dalam bentuk modul yang dipanggil Kualiti Islam dalam Kehidupan iaitu satu modul yang diguna pakai menggunakan komponen spiritual dan pemakanan untuk penagih opiat di Terengganu.



**MOHD EKHWAN**

menggabungkan kaedah spiritual dan kaedah pemakanan.

"Sebelum ini, kebanyakan penagih opiat ini sangat bergantung pada rawatan methadone, iaitu salah satu